

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, 4 December, 2019 2:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Universiti Perlukan Pemimpin Pelajar Jadi Jambatan Penghubung



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 DISEMBER 2019 / 7 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: JHEP

UNIVERSITI PERLUKAN PEMIMPIN PELAJAR JADI JAMBATAN PENGHUBUNG



UUM ONLINE: Universiti memerlukan pemimpin pelajar untuk menjadi jambatan penghubung agar dasar dan hala tuju universiti dapat disalurkan kepada warga kampus.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, bagi tujuan tersebut, universiti menubuhkan kelab, persatuan dan majlis kepimpinan tertinggi seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) sebagai satu badan pelajar yang mempunyai suara rasmi dan juga bagi menggilap pelajar dalam dunia kepimpinan.

Menurutnya, pemimpin pelajar perlu menguasai kemahiran insaniah (*soft skill*) sebagai nilai tambah yang dapat membantu pelajar menghadapi persaingan di alam pekerjaan kelak.

“*Soft skill* ini hanya boleh diasah sekiranya pelajar melibatkan diri secara aktif melalui aktiviti kokurikulum tetapi harus disedari bahawa dalam kesibukan beraktiviti anda seharusnya bijak meletakkan akademik sebagai keutamaan,” katanya pada UUM Student Laureate Awards 2019 di Dewan Mu'adzam Shah, malam tadi.

UUM Student Laureate Awards 2019 merupakan penjenamaan semula Anugerah Kerana Jasa (AKJ) yang meraikan pelajar yang aktif dan berdedikasi merencanakan aktiviti di universiti yang mana mereka terdiri dalam kalangan barisan MPP Sesi 2018/2019, JKPS Inapan Siswa Sesi 2018/2019 dan Pemimpin Badan Pelajar Sesi 2018/2019.

Dr. Hendrik berkata, kriteria yang digunakan untuk memilih penerima anugerah adalah mengikut kriteria Anugerah Tokoh Siswa peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Menurutnya, usaha ini merupakan strategi universiti dalam membolehkan universiti menghantar pencalonan yang berkualiti dan terbaik ke kementerian untuk bertanding dengan universiti lain di seluruh Malaysia.

“Terima kasih di atas sumbangan dan khidmat bakti kepada universiti. Syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua mantan pemimpin pelajar yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang.

“Segala pengorbanan yang disumbangkan kepada universiti ini akan sentiasa tercatat dalam lipatan sejarah kecemerlangan UUM,” katanya.

Pada malam itu, pelbagai anugerah dipertandingkan antaranya Anugerah Badan Pelajar Terbaik, Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor (HEPA) dan anugerah tertinggi ialah Anugerah Tokoh Siswa UUM.

Penerima Anugerah Tokoh Siswa UUM dimenangi pelajar Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam, Ummi Sabrina Mohd Jalaini yang membawa pulang trofi, sijil dan wang tunai bernilai RM1,000.

Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor (HEPA) dimenangi oleh Nirosh Vathumalai, Beh Zeng Kang dan Beta Gamma Sigma UUM Chapter manakala Anugerah Badan Pelajar Terbaik diterima oleh Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA).



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.